

UiTM, UPM julang trofi futsal IPT

Oleh Mohd Rafi Mamat
sukan@hmetro.com.my

Kuantan: Pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) membuktikan kehebatan apabila muncul juara kategori lelaki kejohanan futsal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Grand Finale Piala Menteri Pendidikan selepas menewaskan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) 2-0 di Dewan Kompleks Sukan UIAM Kampus Kuantan, hujung minggu lalu.

Bagi kategori wanita Universiti Putra Malaysia (UPM) yang membariskan gandingan pemain lama dan baru seperti diramal menjulang kejuaraan selepas menewaskan Universiti Malaya (UM) 3-1.



PEMAIN lelaki UiTM dan wanita UPM meraikan kejayaan selepas muncul juara.

Beraksi di gelanggang sendiri ternyata gagal dimaafkan tuan rumah apabila dijinakkan anak buah Muhammad Syaifullah Norhizan yang seolah-olah begitu mengimpikan kejuaraan selepas gagal melakukannya pada dua sirkit sebelum ini.

Syatfullah berkata, janji pemain untuk bangkit selepas kecewa pada dua perlawanan akhir sebelum ini berjaya dibuktikan apabila menjadikan tuan rumah sebagai mangsa.

"Selepas mendahului lawan 1-0 pada babak pertama corak permainan UiTM sedikit longgar pada awal babak kedua apabila menerima asakan bertali-arus pemain

UIAM yang berusaha menyamakan kedudukan.

"Nasib ternyata tidak menyebelahi pasukan lawan apabila beberapa pemain gagal terhidang gagal menemui penyudah, sebaliknya dalam usaha pemain UIAM menyamakan kedudukan pintu gol mereka dibolosi," katanya.

Beliau berkata, secara keseluruhan selaku juratih beliau berpuas hati dengan kejayaan muncul juara Grand Finale yang dianggap kemuncak kepada

kejohanan futsal IPT musim ini.

Juara kategori lelaki UiTM menerima hadiah RM20,000 serta piala pusingan manakala naib juara UIAM meraih RM10,000.

UPM selaku juara kategori wanita membawa pulang RM10,000 serta piala pusingan manakala UM RM5,000.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi, Hazally Jali.

**"Selepas
atasi lawan
1-0 pada babak
pertama corak
permainan UiTM
sedikit longgar"
Muhammad Syaifullah
Norhizan**